

KENYATAAN MEDIA

MEDAC SEDIA DANA RM100 JUTA LANCAR SKIM PEMBIAYAAN TANPA CAJ

PUTRAJAYA, 2 Ogos 2021 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melalui agensinya TEKUN Nasional akan melancarkan skim pembiayaan tanpa caj bagi membantu memulih dan memulakan semula perniagaan mikro yang terkesan ekoran pandemik Covid 19 untuk meneruskan semula perniagaan. Skim ini akan dibuka untuk permohonan bermula 15 Ogos 2021.

Sebanyak RM100 juta telah diperuntukkan di bawah Pakej PEMULIH bagi pelaksanaan skim pembiayaan baru tanpa caj ini. Seramai 11,500 orang usahawan mikro dijangka akan mendapat manfaat daripada skim pembiayaan tersebut.

YB Dato Sri Dr Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi ketika ditemui berkata, “Berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh MEDAC, dianggarkan 580,000 perniagaan di bawah perusahaan mikro, kecil dan sederhana akan berhadapan dengan kegagalan perniagaan ekoran daripada pandemik Covid 19”.

“Oleh itu, saya berharap usahawan-usahawan ini mengambil peluang memohon skim pembiayaan yang akan dilancarkan nanti untuk menambah modal perniagaan termasuk usahawan mikro di bawah kategori *First To Close, Last To Open* (FCLO) yang terjejas perniagaan berikutan penutupan operasi”.

”Skim Pembiayaan Informal (SPIN) 2.0 dan Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Mikro (CBRM) 2.0 yang akan dilancarkan ini adalah penambahbaikan daripada produk sebelumnya. Menyedari keperluan usahawan yang mendesak dalam mendapatkan modal, had maksimum pembiayaan produk ini telah ditingkatkan dan tiada caj yang dikenakan”.

“Bagi SPIN 2.0, had maksimum pembiayaan adalah RM10 ribu manakala CBRM 2.0 adalah sehingga RM20 ribu”

“Saya harap pelancaran skim ini dapat membantu usahawan mikro dalam kelangsungan perniagaan mereka”

Produk SPIN 1.0 telah dilancarkan pada Disember 2020 susulan daripada idea menterianya Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, bagi membantu usahawan informal yang terjejas perniagaan ekoran pandemik Covid 19. Sehingga kini 3,369 orang usahawan informal telah mendapat pembiayaan dengan nilai RM19.8 juta.

Manakala menerusi Pakej PRIHATIN dengan dana sebanyak RM200 juta,

TEKUN Nasional telah melancarkan Skim Pembiayaan Pemulihan Perniagaan Mikro (CBRM) 1.0 pada April 2020. Peruntukan di bawah skim ini telah berjaya disalurkan sepenuhnya pada Disember 2020 kepada 26,326 usahawan.

“Saya yakin dengan pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan bantuan kewangan yang disalurkan oleh kerajaan kepada rakyat, sektor ekonomi akan kembali pulih seperti sedia kala secara beransur-ansur”, tambah beliau.

Permohonan SPIN 2.0 dan CBRM 2.0 boleh dibuat secara *online* atau hadir ke Pejabat TEKUN Cawangan berhampiran.

Sejak diwujudkan pada tahun 1998 sehingga Jun 2021, TEKUN Nasional telah menyalurkan pembiayaan kepada 480,958 orang usahawan dengan nilai RM6.59 bilion di seluruh negara. Ini menunjukkan kerajaan melalui TEKUN Nasional sememangnya komited dalam membantu usahawan Bumiputera.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

TEKUN NASIONAL

TEKUN Nasional merupakan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang ditubuhkan pada 9 November 1998. Peranan TEKUN Nasional adalah menyediakan kemudahan pembiayaan kepada usahawan mikro Bumiputera dan India untuk memula dan memajukan perniagaan. Selain itu, TEKUN Nasional juga menyediakan peluang perniagaan, peluang menjana pendapatan, khidmat bimbingan dan sokongan serta jaringan usahawan.

Sehingga kini, TEKUN Nasional mempunyai 164 pejabat cawangan di seluruh negara meliputi 222 kawasan parlimen. Maklumat lanjut mengenai TEKUN Nasional sila layari www.tekun.gov.my.

Sebarang pertanyaan mengenai media sila hubungi:

*Pn. Noor Haslinda Md Arshad :018-376 7769
Pegawai Perhubungan Awam TEKUN*